

CARA MENGEJA BUNYI VOKAL SUKU KATA AKHIR TERTUTUP DALAM BAHASA MELAYU MALAYSIA BERDASARKAN LAFAL ATAU SEBUTAN

DAHNIL ADNANI

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dengan menggunakan lambang-lambang, tajuk di atas boleh dinyatakan seperti berikut: Cara mengeja V dalam ... -(K) V (K) - V #. Dalam perlambangan ini, (K) V (K) adalah suku kata pra-akhir, manakala (K) V K # pula adalah suku kata akhir, sedang tanda - ialah tanda pemisah suku kata. Huruf K mewakili bunyi konsonan, huruf V mewakili bunyi vokal, tanda # menunjukkan batas kata, tanda () menunjukkan bahawa apa yang diwakili oleh lambang yang didalamnya boleh ada dan boleh tiada, manakala ... menunjukkan bahawa apa-apa yang ada di tempat yang berkenaan tidak memberikan pengaruh apa-apa kepada rumusan.

Dalam Seminar Fonologi Melayu yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28-30 Oktober 1983, Adnani memperlihatkan adanya kekosongan dalam panduan-panduan yang diberikan untuk mengeja berdasarkan Sistem Ejaan Bahasa Malaysia. Panduan-panduan yang diberikan setakat ini didasarkan kepada dua prinsip asas sahaja, iaitu: cara mengeja fonim, dan pola penggabungan fonim dan huruf vokal yang melibatkan fonim dan huruf vokal dalam suku kata akhir tertutup.

Bahawa panduan-panduan yang diberikan baik menerusi Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia (PUEBM) mahupun melalui perbincangan-perbincangan dalam makalah-makalah ataupun seminar-seminar tidak memadai atau memberi kesan, jelas dapat dilihat dalam kesalahan-kesalahan mengeja yang amat sering dijumpai justeru dalam tulisan-tulisan penutur-penutur asli Bahasa Melayu yang terpelajar. Dari segi teori pula telah diperlihatkan bahawa kita telah tidak menggunakan pengetahuan yang sedia ada pada penutur-penutur Bahasa Malaysia dalam memberi panduan mengeja mengikut PUEBM ini.

Dalam hubungan ini telah dicadangkan supaya panduan-panduan yang sedia ada dilengkapi dengan panduan mengeja berdasarkan lafal atau sebutan. Dalam seminar berkenaan Yeo Chiang Kee mendakwa bahawa panduan yang demikian telahpun diberikan dalam Hwang (1982). Dakwaan ini menunjukkan bahawa Yeo Chiang Kee sebenarnya tidak begitu faham apa yang sebenarnya disampaikan dalam Adnani (1983) itu. Maka untuk mengelakkan kesalah fahaman ini daripada merebak, di sini akan diperlihatkan dengan lebih jelas lagi dua perkara:

- 1/ Bahawa rumus-rumus yang dicadangkan dalam Hwang (1982) ini sebenarnya tak lain dan tak bukan hanyalah ringkasan dari keterangan-keterangan yang sebenarnya telah diberikan dalam bentuk pengenalan pastian pola-pola penggabungan vokal yang disenaraikan dalam PUEBM, dan, oleh

sebab itu ia tak dapat memenuhi kekosongan yang dimaksud dalam Adnani (1983).

2/ Rumus-rumus yang boleh menolong penutur asli Bahasa Malaysia atau orang-orang yang mengetahui ucapan Bahasa Malaysia mengeja dengan betul vokal-vokal suku kata akhir yang selalu menimbulkan masalah perlulah bertitik tolak dari lafal atau sebutan.

RUMUS EJAAN CADANGAN HWANG

Supaya kita dapat melihat dengan jelas kedudukan rumus ejaan cadangan Hwang ini baiklah kita turunkan di sini dua rumus penyimpul dalam cadangan berkenaan:

9c. i.
$$\begin{bmatrix} i/e \\ u/o \end{bmatrix} \rightarrow \begin{bmatrix} i \\ e \end{bmatrix} / \left\{ \begin{array}{l} i \\ u \\ e \\ a \end{array} \right\} \quad (K) (K) \text{ ————— } K$$

ii.
$$\begin{array}{ccc} V & & V \\ \left[\begin{array}{l} - \text{tengah} \\ - \text{depan} \end{array} \right] & \rightarrow & \left[\begin{array}{l} - \text{tinggi} \\ - \text{depan} \end{array} \right] / \left\{ \begin{array}{l} + \text{tinggi} \\ V \\ + \text{tengah} \end{array} \right\} \end{array} \quad (K) - (K) \text{ ————— } K$$

iii. di antara vokal depan *i* dengan *e* yang dipilih ialah vokal *e* dan di antara vokal belakang *u* dengan *o* yang dipilih ialah vokal *o*, dalam lingkungan kalau vokal penentunya ialah vokal *e* atau *o*.

10c. i.
$$\begin{bmatrix} i/e \\ u/o \end{bmatrix} \rightarrow \begin{bmatrix} a \\ o \end{bmatrix} / \left\{ \begin{array}{l} e \\ o \end{array} \right\} \quad K(K) \text{ ————— } K =$$

ii.
$$\begin{array}{ccc} V & & V \\ \left[\begin{array}{l} - \text{tengah} \\ - \text{depan} \end{array} \right] & \rightarrow & \left[\begin{array}{l} - \text{tinggi} \\ - \text{depan} \end{array} \right] / \left\{ \begin{array}{l} - \text{tengah} \\ - \text{tinggi} \end{array} \right\} \end{array} \quad K(K) \text{ — } K =$$

iii. di antara vokal depan *i* dengan *e*, yang dipilih ialah *e* dan di antara vokal belakang *u* dengan *o* yang dipilih ialah vokal *o* dalam lingkungan kalau vokal penentunya ialah vokal *e* atau *o*.

Jika kita perhatikan dengan teliti kita akan dapat melihat bahawa bahagian i, ii dan iii dalam kedua-dua rumus ini sebenarnya tak lain dan tak bukan ialah bentuk-bentuk atau cara-cara menuliskan yang berbeza bagi peraturan yang

sama. Jika bahagian i, menyebut secara khusus vokal-vokal yang harus dipilih (i/e, u/o, i, u) dan vokal-vokal penentunya (i, u, e, dan a) maka bahagian ii mengenal pasti vokal-vokal berkenaan berdasarkan fitur-fitur fonetik (+ tinggi, -depan), dan bahagian iii, pula menyampaikan peraturan yang sama secara verbal atau dengan kata-kata.

Agaknya tidaklah salah kalau dikatakan bahawa versi (i) dan (ii) adalah lebih bermanfaat bagi pakar-pakar bahasa atau pelajar-pelajar yang mengkhususkan pengajiannya dalam bidang linguistik. Kebanyakan kita mungkin hanya dapat mengikuti versi (iii) sahaja. Untuk keperluan ini pun saya rasa rumusan ini akan lebih mudah difahami jika kata-kata "dalam lingkungan" digururkan sahaja.

Rasanya tidak diperlukan penjelasan bahawa rumus ini tak dapat diharapkan membantu penutur asli Bahasa Malaysia mengeja kata-kata berkenaan dengan betul berdasarkan apa yang mereka ketahui mengenai sebutan atau lafal kata-kata tersebut. Ini adalah kerana tak ada mana-mana bahagian pun dalam rumus-rumus berkenaan yang merujuk kepada sebutan atau lafal. Dalam rumus-rumus ini, unsur yang disebelah kiri anak panah adalah alternatif-alternatif (*i* atau *e*, *u* atau *o*) yang perlu dipilih berdasarkan lingkungannya iaitu vokal dalam suku kata yang mendahuluinya. Misalnya jika dalam suku kata yang mendahuluinya ini vokalnya ialah *e* atau *o* maka yang dipilih di antara *i* dan *e* ialah *e* dan di antara *u* dan *o* ialah *o*. Di samping itu, yang perlu benar kita ingat waktu membaca rumus-rumus ini ialah bahawa yang dimaksud vokal di sini ialah huruf vokal, bukan bunyi vokal. Ini dapat dilihat bukan sahaja dari cara vokal-vokal ini dituliskan (dengan tidak menggunakan tanda kurung yang sesuai), tetapi juga kerana alternatif yang dimaksud sebenarnya tidak berlaku dalam sebutan.

Untuk jelasnya elok kita perinci pola keserasian vokal yang disenaraikan dalam PUEBM yang disimpulkan dalam rumus-rumus Hwang ini, dan sekali gus kita perbandingkan dengan apa yang berlaku dalam sebutan.

Dari senarai di atas dengan jelas dapat dilihat bahawa rumus-rumus Hwang hanya menerangkan apa yang berlaku pada data-data mengenai ejaan dalam lajur A-C sahaja, tetapi ia tidak kena mengena dengan data-data yang berkaitan dengan lafal atau sebutan dalam lajur D-F. Khasnya, rumus 9c menerangkan data-data 1,2, 1a dan 2a. Rumus 10c pula menerangkan data-data 3-6 dan 3a-6a dalam bahagian ejaan sahaja. Jika pada bahagian ejaan terdapat pembahagian tempat kehadiran antara *i* dan *e* ($1-2 = e, 3-6 = i$), dan antara *u* dan *o* ($1a-2a = o, 3a-6a = u$), maka dalam lafal, hal ini tidaklah berlaku ($1-6$ semuanya [e], $1a-6a$ semuanya [o]).

Jadi kalau kita mengatakan bahawa bunyi vokal akhir dalam kata *titik*, misalnya, harus dieja dengan huruf *i* sudah tentulah wajar kalau bunyi vokal akhir dalam kata pendek juga dieja dengan huruf yang sama. Begitu juga bunyi vokal pertama pada perkataan *sehat*, misalnya, kerana bagi penutur asli Bahasa Malaysia ketiga-tiga bunyi ini sama. Jika kita mengharapkan mereka mengeja ketiga-tiga bunyi vokal ini sekali dengan huruf *e*, sekali dengan huruf *i*, tentulah kita perlu memberikan rumusan yang bertitik tolak pada bunyi vokal ini, bukan

Pola Gabungan Vokal

Dalam Ejaan			Dalam Lafal (Sebutan)		
A. Contoh	B Pola	C. Rumus Lingkungan alternatif dipilih	D.Contoh	E. Pola	F. Rumus Lingkungan alternatif dipilih
1. pendek	e - e	e	[pendek]	[e] - [e]	[e]
2. boleh	o - e	o	[boleh]	[e] - [e]	[e]
3. titik	i - i	i	[titek]	[i] - [e]	[i]
4. bukit	u - i	u	[buket]	[u] - [e]	[u]
5. lebih	e - i	e	[lebih]	[e] - [e]	[e]
6. balik	a - i	a	[balek]	[a] - [e]	[a]
1a. esok	e - o	e	[esok]	[e] - [o]	[e]
2a. bohong	o - o	o	[bohong]	[o] - [o]	[o]
3a. ribut	i - u	i	[ribot]	[i] - [o]	[i]
4a. tutup	u - u	u	[tutup]	[u] - [o]	[u]
5a. tepung	e - u	e	[tepong]	[e] - [o]	[e]
6a. masuk	a - u	a	[masuk]	[a] - [o]	[a]

kepada ejaannya yang sebetulnya telah terpisah selangkah dari sebutannya. Dari segi inilah rumus Hwang ini tak dapat dianggap mengisi kekosongan yang dihuraikan dalam Adnani (1983).

CADANGAN ADNANI (1983)

Apa yang dicadangkan oleh Adnani (1983) sebenarnya ialah suatu rangkaian rumus-rumus yang dapat membantu orang-orang yang telah mengetahui sebutan Bahasa Malaysia untuk mengeja sesuai dengan kehendak PUEBM berdasarkan pengetahuannya mengenai sebutan itu, misalnya seperti yang digambarkan dalam lajur D-F dalam senarai di atas, khas bagi bunyi-bunyi vokal dalam suku kata akhir tertutup.

Dalam rumus berkenaan kita perlu menjelaskan, misalnya bahawa pemilihan antara huruf e dan i dalam ejaan sebenarnya berlaku ke atas bunyi [e] dalam sebutan. Begitu juga pemilihan antara huruf o dan u dalam ejaan sebenarnya berlaku ke atas bunyi [o] dalam sebutan. Dan bahawa soal memilih ini hanya timbul jika bunyi-bunyi vokal ini terdapat dalam suku kata akhir yang tertutup.

Persoalan kita sebenarnya ialah bagaimana menolong penutur-penutur Bahasa Malaysia mengeja mengikut PUEBM, dan kerana mereka ini patut dianggap telah arif tentang sebutan, maka yang diperlukan ialah rumus yang bertitik tolak dengan sebutan iaitu yang berbentuk:

“Kalau sebutannya X maka ejaannya hendaklah Y”

Dalam bentuk lain ini boleh juga dituliskan:

Sebutan X -----> Ejaan Y

Misalnya,

Sebutan [betol] -----> Ejaan *betul*

bukan,

Ejaan bet $\left. \begin{matrix} o \\ u \end{matrix} \right\} 1$ -----> Ejaan *betul* (seperti yang dicadangkan Hwang)

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, hubungan antara sebutan dan ejaan yang melibatkan bunyi vokal [e] dan [o] dan ejaan Bahasa Malaysia mengikut PUEBM ini dapat dirumuskan seperti berikut:

- 1/ Bunyi [e] hendaklah dieja dengan huruf e dan bunyi [o] dengan huruf o, kecuali dalam suku kata akhir tertutup.
- 2/ Dalam suku kata akhir tertutup pula:
 - a. jika dalam suku kata sebelumnya, iaitu dalam suku kata pra-akhir terdapat bunyi [e] atau [o] maka bunyi [e] ini hendaklah dieja dengan

- huruf e dan bunyi [o] hendaklah dieja dengan huruf o, tetapi,
- b. jika dalam suku kata pra-akhir terdapat bunyi vokal selain dari [e] atau [o], maka bunyi [e] harus dieja dengan huruf *i* dan bunyi [o] harus dieja dengan huruf *u*.

Peraturan pertama akan menghalang kita daripada mengeja [sehat] menjadi **sihat* dan [tolak] menjadi **tulak*. Seterusnya, peraturan kedua [akan] menghalang kita daripada mengeja [təbet] menjadi **terbet* atau [takot] menjadi **takot*.

Mudah-mudahan dengan penjelasan yang serba ringkas ini kita akan dapat lebih faham lagi apa yang sebenarnya dicadangkan oleh Adnani (1983) dan sekali gus dapat pula melihat manfaatnya rumusan yang dicadangkan bagi penutur-penutur Bahasa Malaysia yang hingga kini masih ragu-ragu mengenai cara mengeja bunyi-bunyi vokal berkenaan.

RUJUKAN

- Adnani, Dahnil. 1983. 'Lafal, Ejaan dan Fonologi', Kertas Kerja Seminar Fonologi Melayu, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka/Persatuan Linguistik Malaysia, di Dewan Bahasa dan Pustaka, 28-30 Oktober, 1983.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1975. *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Hwang Pek Ling, Bhl., 1982. Keselarasan Vokal dalam Ejaan Bahasa Malaysia. Kertas kerja Seminar Kesalahan Penggunaan Bahasa Malaysia, anjuran Universiti Sains Malaysia/Dewan Bahasa dan Pustaka, di Universiti Sains Malaysia, 2-3 Disember, 1982.